



MUZAKARAH Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke 97 yang bersidang pada 15 hingga 17 Disember 2011 telah membincangkan Hukum Penubuhan Bank Susu dan berpandangan bahawa menjaga keturunan adalah termasuk dalam lima perkara yang wajib dipelihara dalam syariat Islam. Oleh itu apa-apa tindakan atau perbuatan yang boleh mendatangkan kemudharatan kepada nasab atau keturunan perlu dielakkan.

Hukum penubuhan bank susu amat berkait rapat dengan syarat-syarat pengharaman atas sebab susuan di mana bayi-bayi yang menyusu dengan seorang wanita atau lebih daripada seorang wanita akan menjadi adik beradik susuan. Dan, perkahwinan antara mereka adalah haram apabila memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Pandangan ini selaras dengan pandangan jumhur fuqaha bahawa

bayi itu sah sebagai anak susuan sama ada melalui penyusuan secara langsung dari payudara atau penyusuan secara tidak langsung.

Sehubungan itu, memandangkan penubuhan bank susu ini boleh mengakibatkan percampuran nasab dan membawa umat Islam terjebak dalam keraguan dan perkara haram. Malah keperluan penubuhan bank susu juga tidak berada dalam keadaan darurat sehingga mengancam masalah awam maka muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penubuhan bank susu adalah tidak diharuskan.

Islam sebagai agama yang sesuai dan syariatnya menyediakan solusi dalam semua keadaan juga mengambil kira keperluan bayi rawatan, juga ibu-ibu yang mempunyai kekurangan susu atau mempunyai penyakit kronik atau berjangkit dan tidak dapat menyusukan bayi. Dengan itu adalah harus bagi ibu-ibu menderma susu

secara sukarela kepada bayi-bayi yang memerlukan dan keluarga bayi serta penderma perlu mengenali di antara satu sama lain.

Perbahasan Ulama

Isu yang berbangkit dalam perkara ini ialah penentuan sabit hukum anak susuan adakah dengan lima kali penyusuan atau lima kali kenyang atau lima kali perahan?

Ulama Mazhab Maliki dan Hanafi berpandangan bahawa setiap susu yang masuk ke kerongkong bayi sedikit atau banyak disebut sebagai *rodho'ah*. Walaupun hanya sedikit sahaja dan menyebabkan sabitnya anak susuan secara mutlak bersandarkan kepada dalil umum ayat al-Quran, surah an-Nisaa' ayat 23.

Allah berfirman, "Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut): Ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu

dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan, dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu, dan ibu-ibu isteri kamu, dan anak-anak tiri yang dalam pemuliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah campuri; tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telah pun menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya). Dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu. Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Ulama mazhab Syafi'i dan Hambali sepakat di dalam menentukan bilangan lima kali penyusuan yang sempurna berdasarkan kepada dalil hadis daripada Aisyah bahawa ia berkata, "Dahulu di dalam al-Quran susuan yang menyebabkan menjadi mahram ialah sepuluh kali susuan, kemudian hal itu dinasakahkan dengan lima kali penyusuan sahaja. Rasulullah s.a.w. wafat, dan ayat-ayat al-Quran masih dibaca seperti itu." (HR Muslim)

Ulama mazhab Syafi'i dan Hambali turut sepakat menyatakan hisapan tersebut merupakan lima kali yang terpisah-pisah di antaranya. Penentuan lima hisapan itu dikembalikan kepada hukum adat atau kebiasaannya, dan mereka juga mensyaratkan bahawa air susu itu sampai ke perut bayi yang berkenaan. Dalil yang mereka gunakan ialah hadis Nabi s.a.w., "Tidak diharamkan



dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan, dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu, dan ibu-ibu isteri kamu, dan anak-anak tiri yang dalam pemuliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah campuri; tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telah pun menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya). Dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu. Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Ulama mazhab Syafi'i dan Hambali sepakat di dalam menentukan bilangan lima kali penyusuan yang sempurna berdasarkan kepada dalil hadis daripada Aisyah bahawa ia berkata, "Dahulu di dalam al-Quran susuan yang menyebabkan menjadi mahram ialah sepuluh kali susuan, kemudian hal itu dinasakahkan dengan lima kali penyusuan sahaja. Rasulullah s.a.w. wafat, dan ayat-ayat al-Quran masih dibaca seperti itu." (HR Muslim)

Ulama mazhab Syafi'i dan Hambali turut sepakat menyatakan hisapan tersebut merupakan lima kali yang terpisah-pisah di antaranya. Penentuan lima hisapan itu dikembalikan kepada hukum adat atau kebiasaannya, dan mereka juga mensyaratkan bahawa air susu itu sampai ke perut bayi yang berkenaan. Dalil yang mereka gunakan ialah hadis Nabi s.a.w., "Tidak diharamkan

dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan, dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu, dan ibu-ibu isteri kamu, dan anak-anak tiri yang dalam pemuliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah campuri; tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telah pun menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya). Dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu. Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Ulama mazhab Syafi'i dan Hambali dilihat lebih khusus dan terperinci di dalam penjagaan nasab

yang merupakan salah satu objektif yang hendak dicapai dalam syariah (maqasid syariah) dan sesuai untuk pentadbiran hal ehwal keagamaan di Malaysia.

Selain Penyusuan Payudara

Ada beberapa perkara lagi yang berkaitan dan sering menjadi tanda tanya di kalangan masyarakat antaranya ialah penggunaan peralatan seperti picagari (*syringe*), *tube feeding* dan *spoon feeding*. Adalah harus hukumnya menggunakan peralatan berkenaan dengan memasukkan susu ibu melalui rongga ke dalam perut bayi dengan syarat sampai ke perut bayi berkenaan.

Berkaitan dengan umur bayi susuan berkenaan hendaklah di bawah umur dua tahun hijri atau 24 bulan qamariah pada permulaan penyusuan kali ke lima. Sekiranya bayi itu berumur dua tahun hijri atau 24 bulan qamariah dan ke atas maka ia tidak tertakluk kepada hukum anak susuan.

Hukum hakam ini penting untuk kes-kes bayi pra matang di hospital bawah seliaan Kementerian Kesihatan melibatkan kes yang khusus dan mendesak. Sesungguhnya penjagaan nasab sangat dipelihara di dalam Islam agar struktur masyarakat tetap berpanjangan teratur dan kemas. **A**

NASAB ANAK Bagi Susu Ibu Berkongsi



Al-Itimam
Mei 2018

Children - Child care
p.24 - 25

LR NO: 0000 2T5635